



19 Ogos 2011  
19 August 2011  
P.U. (A) 279

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN)(PUNGUTAN TOL) (LEBUH RAYA KEMUNING-SHAH ALAM) (PINDAAN) 2011

### *FEDERAL ROADS (PRIVATE MANAGEMENT) (COLLECTION OF TOLLS) (KEMUNING-SHAH ALAM HIGHWAY) (AMENDMENT) ORDER 2011*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN) 1984**

**PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN)  
(PUNGUTAN TOL) (LEBUH RAYA KEMUNING-SHAH ALAM) (PINDAAN) 2011**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 [*Akta 306*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebuhraya Kemuning-Shah Alam) (Pindaan) 2011.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 22 Ogos 2011.

**Pindaan perenggan 2**

2. Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebuhraya Kemuning-Shah Alam) 2010 [P.U. (A) 163/2010], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda—

(a) dalam subsubperenggan 2(1)(a), dengan menggantikan perkataan “Plaza Tol Taman Seri Muda, Persimpangan Bertingkat Seksyen 35” dengan perkataan “Plaza Tol Seri Muda, Persimpangan Bertingkat Alam Impian”; dan

(b) dalam subsubperenggan 2(1)(b), dengan menggantikan perkataan “Plaza Tol Seksyen 35” dengan perkataan “Plaza Tol Alam Impian”.

**Pindaan perenggan 3**

3. Perintah ibu dipinda dalam subperenggan 3(1), dengan menggantikan perkataan “Plaza Tol Taman Seri Muda atau Plaza Tol Seksyen 35” dengan perkataan “Plaza Tol Seri Muda atau Plaza Tol Alam Impian”.

**Pindaan Jadual Pertama**

4. Perintah ibu dipinda dalam Jadual Pertama—

(a) dalam Bahagian I di bawah ruang (2)—

(i) dengan menggantikan subtajuk “Plaza Tol Taman Seri Muda” dengan subtajuk “Plaza Tol Seri Muda”; dan

(ii) dengan menggantikan subtajuk “Plaza Tol Seksyen 35” dengan subtajuk “Plaza Tol Alam Impian”; dan

(b) dalam BAHAGIAN II di bawah ruang (2)—

(i) dengan menggantikan subtajuk “Plaza Tol Taman Seri Muda” dengan subtajuk “Plaza Tol Seri Muda”; dan

(ii) dengan menggantikan subtajuk “Plaza Tol Seksyen 35” dengan subtajuk “Plaza Tol Alam Impian”.

**Pindaan Jadual Kedua**

5. Perintah ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Kedua dengan jadual yang berikut: